

Proton musnah jika kepentingan dijual kepada entiti asing

UM - 6/7/2005

KUALA LUMPUR 5 Julai — Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, penjualan kepentingan Proton kepada entiti asing akan memusnahkan syarikat kereta nasional Malaysia itu.

Beliau berkata, beliau ada mendengar khabar angin mengatakan wujud percubaan (oleh entiti asing) untuk membeli syarikat itu.

“Kebimbangan kita tentulah jika mereka membeli 100 peratus kepentingan dalam Proton, mereka mungkin menutup pengeluaran kereta nasional kita dan (kita) sekadar menjadi pemasang kereta mereka,” katanya pada sidang media khas di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengadakan sidang media itu berikutan pertemuannya semalam dengan Pengerusi Proton, Datuk Azlan Hashim setelah minggu lalu, Tengku Mahaleel mencetuskan kontroversi ekoran tindakannya mengkritik dasar automotif kerajaan.

Sayap pelaburan kerajaan kini menguasai 42.7 peratus kepentingan dalam Proton.

Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) hanya mempunyai masa sehingga akhir tahun ini untuk menjual ekuiti 17 peratus yang dibelinya daripada Mitsubishi dari Jepun kerana saham-saham yang telah diperolehi dari pembuat kereta Jepun itu melepasi tahap yang menghendakinya untuk melakukan tawaran am mandatori.

Satu tawaran am mandatori perlu dilakukan apabila ekuiti sesebuah pemegang saham dalam sesebuah syarikat meningkat kepada lebih 30 peratus.

Dr. Mahathir berkata, tarikan utama Proton ialah aliran tunai yang besar iaitu lebih RM2 bilion tunai dan aset kira-kira RM6 bilion.

“Proton memiliki tunai sebanyak RM2 bilion dan ia menjadi punca mengapa ada pihak berminat untuk mengambil alih syarikat itu,” katanya.

Menurutnya, saham-saham Proton boleh dibeli di pasaran saham atau milik Khazanah.

“Jika awak mahu, awak boleh menjual lebih daripada 50 peratus kepada Volkswagen. Mereka bersedia membeli sehingga 100 peratus pun. Terdapat juga banyak syarikat lain mahu membeli 100 peratus kepentingannya.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, Proton sedang membangunkan kereta hibrid menggunakan motor elektrik.

“Proton kini sedang bekerja keras untuk mengeluarkan kenderaan hibrid. Kami telah berusaha sejak lima tahun lalu. Ia bukan sesuatu yang mudah,” katanya.

Ditanya bila Proton dijangka mula menjual kenderaan berteknologi enjin hibrid itu: “Kita harap lebih awal daripada lima tahun akan datang, Insya-Allah”.